Tulis kata sendi nama yang betul.

untuk	demi	dengan

1. Galah yang paling panjang itu digunakan ( ) mengait buah kelapa.
2. "Saya sanggup berkorban apa-apa sahaja ( ) negara," kata askar itu.
3. Buah epal itu dipotong ( ) sebilah pisau.

dari	daripada	pada	kepada

4. Almari baju itu diperbuat ( ) kayu jati.
5. P.Ramlee berasal ( ) Pulau Pinang.
6. Siti mengirim wang ( ) neneknya.
7. Saya akan pergi ke Melaka ( ) hari Sabtu ini.

di	ke	akan

8. Encik Tan rindu ( ) keluarganya yang berada di luar negara.
9. Mei Mei tinggal ( ) Sungai Petani.
10. Adik pergi ( ) pasar bersama ibu.

sejak	tentang	hingga

11. Dia bekerja di restoran itu ( ) tiga tahun yang lalu.
12. Ayah bercerita ( ) kemalangan yang berlaku semalam.
13. Nani berlari ( ) dia penat.

LIVEWORKSHEETS